

TARIKH	RABU, 29 MAC 2023
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	PELAN HALA TUJU PERCEPAT PERALIHAN TENAGA
M/S	5
BIDANG	MANAGEMENT
KATA KUNCI	MANAGEMENT

5

## Pelan hala tuju percepat peralihan tenaga

**Kuala Lumpur:** Kementerian Ekonomi akan melancarkan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga negara selewat-lewatnya akhir Jun ini bagi mempercepat projek peralihan tenaga boleh baharu, sekali gus menstrukturkan semula ekonomi.

Menterinya, Rafizi Ramli, berkata langkah mempercepat peralihan tenaga kepada tenaga boleh baharu bukan sahaja menepati kehendak ekonomi global, malah menjamin kedudukan bekalan tenaga negara pada masa depan.

“Kita yakin akan menyuntik lebih banyak pelaburan ke Malaysia,” katanya menjawab soalan Datuk Seri Hasni Mohamad (BN-Simpang Renggam) mengenai inisiatif awalan membina semula ekonomi sebagai antara empat teras strategik utama dalam konsep Malaysia MADANI pada sesi jawapan di Dewan Rakyat, semalam.

Selain itu, Rafizi berkata, tumpuan kerajaan juga terarah untuk mewujudkan ekosistem syarikat pemula yang lebih inklusif dan mampan dalam melonjakkan kadar inovasi kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Katanya, kewujudan ekosistem yang lebih baik daripada syarikat pemula dapat mengimbangkan antara insentif kerajaan dengan potensi supaya bakal penerima insentif mempunyai daya inovasi yang tinggi.

BERNAMA

DISEDIAKAN  
OLEH

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM